



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/5/2011

MINDA PENGARANG

## Semangat wasatiyah mampu wujud dunia bebas keganasan

**K**ONSEP kesederhanaan sememangnya dituntut Islam dan agama lain di dunia. Tiada agama yang mahu penganutnya bertindak secara ekstrem atau ganas kerana cara keganasan membawa bersamanya naitijah yang tidak baik. Menyedari hakikat inilah maka Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berusaha mengetengahkan konsep kesederhanaan atau wasatiyah sejak beberapa tahun lalu apabila menyampaikan ucaptamanya di pentas antarabangsa. Ketegasan sama ditunjukkannya ketika berucap pada majlis syarahan di Pusat Pengajian Islam, Universiti Oxford, London kelmarin. Ia satu lagi forum yang mana beliau terus berusaha menyampaikan kepada hadirin terdiri daripada tokoh berwibawa di Barat bahawa semua pihak harus bertang-

gungjawab dalam usaha membendung ekstremisme. Mesej beliau harus diterima dengan hati terbuka oleh mereka bagi memastikan wujud masa depan dunia lebih adil dan terjamin. Mereka harus memahami masalah sebenar pergolakan dialami dunia adalah akibat sikap ekstremisme golongan tertentu yang mempunyai motif perjuangan masing-masing, bukan perbezaan yang wujud di antara negara Timur dan Barat, atau antara negara maju dan sedang membangun. Justeru tidak ada pihak yang harus menuding jari kepada Islam dan Muslim apabila berlaku kejadian keganasan.

Ini bukan kali pertama Perdana Menteri membuat penegasan demikian. Kali pertama beliau mengetengahkan konsep kesederhanaan ini ialah ketika berucap pada

Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) September tahun lalu. Pada ketika itu beliau menyarankan agar diwujudkan Pergerakan Sederhana Global yang memperlihatkan kerajaan, golongan intelektual, ulama dan ketua perniagaan di seluruh dunia mengambil pendirian sama sejajar dengan semangat wasatiyah. Semangat wasatiyah ini penting bagi mewujudkan dunia yang bebas daripada keganasan tanpa mengira fahaman agama atau apa jua batasan. Kita setuju bahawa kesederhanaan adalah prinsip kehidupan nyata yang diambil daripada tingkah laku Rasulullah SAW selepas bertahun-tahun baginda ditekan dan ditindas puak Quraisy, baginda memerintah di Makkah dengan penuh wibawa, kemaafan dan kasih sayang. Semen-

tara tokoh bukan Islam yang mengamalkan kesederhanaan termasuk pemimpin antiparteid Afrika Selatan, Nelson Mandela, pemimpin pergerakan kemerdekaan India, Mahatma Gandhi dan pemimpin hak asasi manusia Afrika-Amerika, Martin Luther King Jr. Justeru, bagi membolehkan konsep kesederhanaan ini difahami dengan jelas dan tepat, adalah wajar majlis dialog dan perbincangan diteruskan dari semasa ke semasa. Tanpa pertemuan seumpama itu sudah tentu sukar bagi kedua-dua pihak memahami antara satu sama lain bagi mewujudkan keseimbangan atau kesederhanaan ini. Di samping itu dunia juga perlu bersedia mendengar suara bersepadu golongan sederhana dari semua negara yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat.